



Headline: KES-KES MACAU SCAM YANG PERNAH DI LAPORKAN
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 6 October 2018

Language: Malay
Section: X-Klusif
Page: 21

KES-KES MACAU SCAM YANG PERNAH DILAPORKAN

18 FEBRUARI 2018 - Suri rumah berusia 54 tahun kerugian RM15,200 selepas terpedaya dengan pemberian hadiah istimewa dan mewah dari luar negara didalangi dua individu menyamar sebagai rakan laman Facebook dan pegawai Jabatan Kastam Malaysia.

28 FEBRUARI 2018 - Juruterapi pergigian rugi RM26,300 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar pegawai kastam dan polis mendakwa mangsa terbabit kes dadah serta pengubahan wang haram sebelum diarahkan membuka akaun sebuah bank dan memindahkan wang.

25 MAC 2018 - Gara-gara teruja dengan tawaran kerja sebagai broker saham di United Kingdom (UK) dengan tawaran gaji lumayan, seorang kerani terpaksa berputih mata setelah kerugian sehingga RM200,000 apabila pekerjaan ditawarkan sebenarnya tidak wujud.

2 APRIL 2018 - Seorang wanita berusia dalam lingkungan 50-an berputih mata apabila kehilangan wang tunai RM16,300 apabila tertipu dengan muslihat 'kenalan' Facebook melalui hadiah bungkusan istimewa.

7 APRIL 2018 - Bimbang akan dipenjarakan kerana tidak membayar cukai GST, seorang penjawat awam mengalami kerugian RM7,200 akibat ditipu sindiket Macau Scam.

22 JUN 2018 - Seorang akauntan dan seorang peniaga masing-masing di Cameron Highlands serta Lipis kerugian lebih RM100,000 apabila menjadi mangsa sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank.

2 JULAI 2018 - Seorang doktor di Raub kerugian RM30,000 selepas menerima panggilan daripada pegawai Mahkamah Tinggi Alor Setar mendakwa syarikat didaftarkan atas namanya mengalami tunggakan cukai.

18 JULAI 2018 - Seorang pengusaha katering kerugian RM24,000 akibat diperdaya 'kakitangan' sebuah universiti awam di Jengka berhubung tawaran tender penyediaan makanan kepada peserta kursus yang tidak wujud.

29 OGOS 2018 - Seorang jururawat kerugian RM30,000 akibat ditipu empat lelaki dipercayai daripada sindiket Macau Scam mendakwa mangsa terlibat dengan kegiatan dadah dan pengubahan wang haram bernilai RM2.5 juta.

4 SEPTEMBER 2018 - Niat seorang wanita warga emas ingin membantu rakan yang baru dikenalnya menerusi laman Facebook membawa padah apabila dia ditipu sehingga kerugian RM34,101.

21 SEPTEMBER 2018 - Seorang kontraktor rugi RM8,800 selepas terpedaya dengan tawaran projek di tidak wujud melibatkan tender penyelenggaraan sebuah sekolah di Pekan.

29 SEPTEMBER 2018 - Seorang doktor wanita rugi lebih RM70,000 jadi menjadi mangsa sindiket penipuan selepas menerima panggilan daripada seorang wanita memperkenalkan diri sebagai wakil sebuah bank Khamis lalu memaklumkan pinjaman atas namanya tertunggak tiga bulan.

1 OKTOBER 2018 - Dua pesara kerajaan kerugian lebih RM70,000 selepas terpedaya dengan helah sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai polis dan pegawai bank dengan mendakwa kononnya mereka terbabit kes jenayah.